



KEMENTERIAN KERJA RAYA

# KENYATAAN MEDIA

## MAHKAMAH BAHARU AMPANG, SELANGOR BERKONSEP REKA-BENTUK MODEN SIAP DISERAHKAN KEPADA BHEUU

**AMPANG, SELANGOR** - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya telah hadir menyaksikan penyerahan Projek Menyiapkan Baki Kerja Pembinaan Mahkamah Baharu Ampang, Selangor. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

2. Projek yang menelan belanja RM29.85 juta milik Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Mahkamah Negeri Selangor telah dilaksanakan secara konvensional perunding dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia merupakan agensi pelaksana.

3. Projek ini telah mencapai beberapa kejayaan seperti skor 77% dalam Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan (QLASSIC) dan 523,978 jam tanpa kehilangan masa disebabkan kecederaan/kemalangan (*man/hours without lost time injuries*).

4. Selain itu, projek ini menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri (IBS) dimana ia bertepatan dengan usaha Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk, mempercepatkan tempoh pembinaan serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

5. Pembinaan mahkamah ini menekankan konsep rekabentuk moden atau dikenali sebagai rekabentuk industri urban (*urban industrial design*) yang diterjemahkan pada fasad bangunan serta rekabentuk hiasan dalaman. Antara skop kerja yang terlibat ialah pembinaan Bangunan Mahkamah yang mengandungi empat (4) Bilik Bicara Mahkamah Seksyen, enam (6) Bilik Bicara Mahkamah Majistret, sepuluh (10) Kamar Hakim, Pejabat Pendaftaran, Pentadbiran dan Kewangan, bilik pengurusan orang kena tuduh (OKT), ruang-ruang awam dan komersial serta ruang meletak kenderaan.

6. Pembinaan telah bermula pada 9 Disember 2020 (tarikh milik tapak) dan siap sepenuhnya pada 19 April 2024. Terdapat beberapa cabaran yang telah dihadapi sepanjang tempoh pembinaan projek ini antaranya pandemik Covid-19 yang telah melanda negara.

7. Segala pengajaran yang diperolehi boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaan projek-projek yang akan datang dan seharusnya diberi perhatian oleh semua pihak. KKR turut menyeru kepada pihak kontraktor untuk terus melaksanakan tanggungjawab dengan baik dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) selama

satu (1) tahun iaitu sehingga 18hb April 2025.

8. KKR ingin merakamkan penghargaan kepada BHEUU JPM dan Mahkamah Negeri Selangor yang memberikan kepercayaan serta kerjasama sepenuhnya kepada pihak JKR Malaysia, khususnya dalam penyeliaan di tapak sehingga projek dapat disiapkan dengan jayanya. JKR Malaysia akan terus membudayakan pengurusan bersepadu bagi semua projek-projek awam khususnya institusi kehakiman pada masa yang akan datang serta terus memantau proses-proses pasca penyerahan bangunan supaya tiada perkara yang tertangguh dan dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

#Tamat#

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**20 OGOS 2024**